



TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN KESEDIAAN
BELIA TERHADAP PENGUNDIAN SEAWAL
UMUR 18 TAHUN DI DAERAH BATANG
PADANG, PERAK



JOEKRYNO ANAK JONI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





**TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN KESEDIAAN BELIA TERHADAP
PENGUNDIAN SEAWAL UMUR 18 TAHUN DI DAERAH BATANG
PADANG, PERAK**

JOEKRYNO ANAK JONI



**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)
(MOD PENYELIDIKAN)**

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

2024





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...29...(hari bulan).....07..... (bulan) 20..24...

i. Perakuan pelajar :

Saya, JOEKRYNO ANAK JONI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN KESEDIAAN BELIA TERHADAP PENGUNDIAN SEAWAL UMUR 18 TAHUN DI DAERAH BATANG PADANG, PERAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. KHAIRUL AZAM BIN BAHARI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN KESEDIAAN BELIA TERHADAP PENGUNDIAN SEAWAL UMUR 18 TAHUN DI DAERAH BATANG PADANG, PERAK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

29 JULAI 2024

Tarikh



Tandatangan Penyelia

DR. KHAIRUL AZAM BAHARI
PENSYARAH
JABATAN KOMUNIKASI DAN MEDIA
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN KESEDIAAN BELIA TERHADAP
PENGUNDIAN SEAWAL UMUR 18 TAHUN DI DAERAH BATANG PADANG, PERAK

No. Matrik / Matric's No.: M20201000778

Saya / I: JOEKRYNO ANAK JONI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 29 JULAI 2024


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
DR. KHAIRUL KAMAL BAKRI
PENSYARAH
JABATAN KOMUNIKASI DAN MEDIA
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, tesis ini dapat dilengkapkan dengan jayanya. Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya iaitu Dr Khairul Azam bin Bahari dan Dr Siti Nor Amalina binti Ahmad Tajuddin yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan tugas ini dengan baik dan berkualiti. Tidak lupa penghargaan ditujukan khusus buat pensyarah-pensyarah lain yang menyumbang idea dan kepakaran dalam memantapkan penulisan tesis ini. Selain itu, sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada kedua-dua ibu bapa tercinta iaitu Joni anak Bagang dan Jofia anak Jikeng serta ahli keluarga yang lain kerana tidak putus memberikan sokongan moral, kewangan dan dorongan sepanjang saya menyiapkan tugas ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada sahabat-sahabat saya, khususnya kepada Nick Galvin, Raidah Radzi, warga daerah Batang Padang, Perak, dan warga UPSI yang telah banyak membantu saya sepanjang kajian ini dijalankan.





ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian secara kuantitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia di daerah Batang Padang terhadap pengundian seawal umur 18 tahun sejajar dengan pelaksanaan Undi18 di negara ini. Tinjauan melalui soal selidik yang melibatkan 462 orang belia yang berumur 18 hingga 20 tahun di daerah Batang Padang. Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian ini ialah peratus dan min manakala bagi statistik inferens ujian yang digunakan ialah korelasi Pearson dan Regresi berganda. Hasil analisis mendapati tahap pengetahuan belia berada pada tahap yang tinggi. Tahap sikap dan kesediaan pula berada pada tahap yang sederhana. Hasil analisis juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan dengan tahap sikap belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun. Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun serta terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap dengan tahap kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun. Hasil analisis regresi berganda juga menunjukkan antara lima faktor yang signifikan mempengaruhi kecenderungan belia untuk mengundi adalah tanggungjawab mengundi, pengaruh parti politik, rakan sebaya, media sosial, dan ahli keluarga. Kajian ini menyumbang maklumat dan informasi kepada pihak yang berkaitan dalam merangka strategi untuk mempersiapkan belia demi demokrasi negara.





LEVEL OF KNOWLEDGE, ATTITUDES, AND READINESS OF YOUTH IN THE BATANG PADANG DISTRICT TOWARDS VOTING AT THE AGE OF 18 IN PERAK

ABSTRACT

This quantitative study aims to assess the knowledge, attitudes, and readiness of youth in the Batang Padang district regarding voting at the age of 18, in line with the implementation of Undi18 in Malaysia. A survey was conducted with 462 respondents aged 18 to 20 years in the Batang Padang district using a structured questionnaire. Descriptive and inferential statistical test (Pearson correlation and multiple regression) were carried out. The findings indicate that the level of knowledge among the youth is high, while their attitudes and readiness are at moderate levels. Significant correlations were identified between the level of knowledge and attitudes towards voting from the age of 18, between knowledge and readiness, and between attitudes and readiness. Multiple regression analysis further revealed that five factors significantly influencing youths' propensity to vote are the sense of voting responsibility, political party influence, peer influence, social media influencers, and family influence. This study is expected to contribute valuable information to relevant parties in strategizing to prepare youth for democratic activities in the country.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
-------------------------------------	----------

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	ii
------------------------------------	-----------

PENGHARGAAN	iii
--------------------	------------

ABSTRAK	iv
----------------	-----------



ABSTRACT	v
-----------------	----------

KANDUNGAN	vi
------------------	-----------

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	------------

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	-----------

SENARAI LAMPIRAN	xvi
-------------------------	------------

SENARAI SINGKATAN	xvii
--------------------------	-------------

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	2
---------------------------	---



1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kerangka Teoretikal Kajian	16
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	19
1.9 Kepentingan Kajian	22
1.10 Batasan Kajian	24
1.11 Definisi Operasional	25
1.11.1 Pengetahuan	25
1.11.2 Sikap	26
1.11.3 Kesediaan	27
1.11.4 Pengundian	29
1.11.5 UNDI18	29
1.11.6 Dasar Kerajaan	30
1.11.7 Parti Politik	31
1.11.8 Pemimpin	31
1.12 Kesimpulan	32

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	33
2.2 Komunikasi Politik	34
2.3 Sistem Politik Malaysia	38
2.4 Senario Belia di Malaysia	50
2.5 Belia dan Politik	56
2.6 Pengetahuan Politik	71

2.7 Tingkah Laku Pengundian	79
2.8 UNDI18	81
2.9 Faktor Penglibatan Golongan Muda Dalam Aktiviti Sivik dan Politik	92
2.10 Kesimpulan	107

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	108
3.2 Reka Bentuk Kajian	110
3.3 Populasi dan Sampel	110
3.4 Instrumen Kajian	114
3.4.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden (Demografi)	116
3.4.2 Bahagian B: Pengetahuan	117
3.4.3 Bahagian C: Sikap	118
3.4.4 Bahagian D: Kesiediaan	119
3.4.5 Bahagian E: Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Mengundi	120
3.5 Kajian Rintis	121
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	124
3.7 Analisis Data	129
3.7.1 Analisis Statistik Deskriptif	129
3.7.2 Analisis Korelasi Pearson	131
3.7.3 Analisis Regresi Pelbagai	134
3.8 Kesimpulan	136

**BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pengenalan	137
4.2 Latar Belakang Demografi Responden	139
4.2.1 Jantina	139
4.2.2 Bangsa	140
4.2.3 Umur	141
4.2.4 Lokasi Responden	142
4.2.5 Latar Belakang Pendidikan	143
4.2.6 Pekerjaan	144
4.2.7 Pendapatan	145
4.3 Tahap Pengetahuan Belia	146
4.4 Tahap Sikap Belia	149
4.5 Tahap Kesiediaan Belia	147
4.7 Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Belia Untuk Mengundi	166
4.8 Kesimpulan	169

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	170
5.2 Perbincangan Kajian	171
5.2.1 Demografi Responden	173
5.2.2 Tahap Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Belia	174
5.2.3 Hubungan Antara Tahap Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan	183
5.2.4 Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Belia untuk Mengundi	187
5.3 Kesimpulan Hasil Kajian	194
5.4 Implikasi Kajian	194



5.4.1 Teoretikal	195
5.4.2 Metodologi	196
5.4.2 Masyarakat	197
5.5 Cadangan Kajian	200
5.6 Rumusan Kajian	203
 RUJUKAN	 204
 LAMPIRAN	 232



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
2.1 Kumpulan Sasaran Belia	51
3.1 Skor Item Dikotomus	117
3.2 Peringkat Skala Likert Bahagian Sikap	118
3.3 Peringkat Skala Likert Bahagian Kesediaan	119
3.4 Peringkat Skala Likert Bahagian Faktor	120
3.5 Maklumat Latar Belakang Panel Pakar	122
3.6 Skala Nilai Cronbach Alpha	124
3.7 Julat Gred Pemarkahan Peperiksaan Sekolah Menengah	131
3.8 Nilai skor julat untuk tahap rendah, sederhana dan tinggi	132
3.9 Skala Pengukuran Nilai r oleh Guiford Rule of Thumb	133
3.10 Analisis Statistik Kajian	135
4.1 Maklumat Jantina Responden	140
4.2 Maklumat Bangsa Responden	141



4.3	Maklumat Umur Responden	142
4.4	Maklumat Lokasi Responden	143
4.5	Maklumat Tahap Pendidikan Responden	144
4.6	Maklumat Pekerjaan Responden	145
4.7	Maklumat Pendapatan Responden	146
4.8	Julat Gred Pemarkahan Peperiksaan Sekolah Menengah	147
4.9	Tahap Pengetahuan Belia	150
4.10	Skala Tahap Sikap dan Kesianaan Belia	151
4.11	Skala Tahap Sikap Terhadap Parti Politik	151
4.12	Skala Tahap Sikap Terhadap Pengundian	153
4.13	Skala Tahap Kesianaan Terhadap Pemilihan Pemimpin	155
4.14	Skala Tahap Kesianaan Dalam Penglibatan Politik	157
4.15	Skala Tahap Kesianaan Terhadap Pengundian	158
4.16	Skala Pengukuran Nilai r oleh Guilford Rule of Thumb	161
4.17	Hasil Analisis Korelasi Pearson berkenaan Hubungan Antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Sikap Belia Terhadap Pengundian Seawal Umur 18 Tahun	162

4.18	Hasil Analisis Korelasi Pearson berkenaan Hubungan Antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Kesiediaan Belia Terhadap Pengundian Seawal Umur 18 Tahun	163
4.19	Hasil Analisis Korelasi Pearson berkenaan Hubungan Antara Tahap Sikap dan Tahap Kesiediaan Belia Terhadap Pengundian Seawal Umur 18 Tahun	164
4.20	Keputusan Hipotesis Kajian Untuk Objektif Kedua	165
4.21	Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Belia untuk Mengundi di Daerah Batang Padang Seawal Umur 18 Tahun	168

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1: Model Pengetahuan-Sikap-Amalan	17
1.2: Kerangka Konseptual Kajian Mengaplikasikan Model KAP oleh Bano	21
3.1 Proses Pelaksanaan Penyelidikan	109
3.2. Penentuan Saiz Sampel	113
3.3 Ringkasan Proses Pengumpulan Data	128



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- 1 Borang Soal Selidik
- 2 Surat Kelulusan Bersyarat Menjalankan Kajian (eRAS)
- 3 Surat Pelantikan Panel Pakar Rujuk Untuk Semakan Dapatan Kajian
Kuantitatif (Survey)
- 4 Surat Pelantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian





SENARAI SINGKATAN

%	Peratus
APR	Akademi Pilihan Raya
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
β	Beta
Bersatu	Parti Peribumi Bersatu Malaysia
B40	Isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,360.00
BN	Barisan Nasional
Covid-19	Koronavirus 2019
CS	<i>Citizenship Studies</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
DAP	Parti Tindakan Demokratik
<i>et</i>	<i>Extra-Terrestrial</i>
eRAS 2.0	Sistem Permohonan Menjalankan Penyelidikan Pendidikan dalam Talian
GCSE	<i>General Certificate Of Secondary Education</i>



GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan
GPS	Gabungan Parti Sarawak
HI	Hipotesis Alternatif
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IPG	Institusi Pendidikan Guru
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KADS1M	Kad Diskaun Siswa 1 Malaysia
KAP	<i>Knowledge-Attitude-Practice</i>
KM	Kolej Matrikulasi
KV	Kolej Vokasional
KPU	<i>Komisi Pemilihan Umum Republik Indonesia</i>
MCQ	<i>Multiple Choice Question</i>
MCA	Persatuan Cina Malaysia
MIC	Kongres India Se-Malaysia
MUDA	Parti Ikatan Demokratik Malaysia
NGO	Badan Bukan Kerajaan
OKU	Orang Kurang Upaya

p	Nilai Signifikan
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBM	Parlimen Belia Malaysia
PDRM	Pasukan Polis Diraja Malaysia
PGRM	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
PILKADA	Pemilihan Kepala Daerah Indonesia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
PH	Pakatan Harapan
PN	Perikatan Nasional
PRK	Pilihan Raya Kecil
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PRU	Pilihan Raya Umum
R^2	<i>Squared Multiple Correlation</i>
PSB	Parti Sarawak Bersatu
RUU	Rang Undang-Undang
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SIG	<i>Special Interest Group</i>

Sig.	Signifikan
Sig.t	Signifikan t
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPKO	Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu


05-4506832


pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

UNICEF
United Nations International Children's Emergency Fund

UNDI18 Penurunan had umur mengundi 21 kepada 18 tahun



BAB 1

PENGENALAN



1.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan memberi penerangan secara ringkas tentang maklumat latar belakang kajian termasuklah komunikasi politik, amalan demokrasi di Malaysia selepas merdeka dan pelaksanaan Undi18. Selain itu, bab ini merangkumi penyataan masalah, persoalan kajian dan objektif kajian yang menjadi intipati utama dalam sesebuah kajian. Seterusnya, kepentingan kajian daripada aspek teoretikal dan





praktikal akan dihuraikan dan disusuli dengan skop kajian. Akhir sekali, definisi konseptual, operasional, kerangka teoretikal serta konseptual juga akan diterangkan di bahagian akhir bab ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Undi18, sebuah inisiatif bersejarah untuk menurunkan umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun di negara ini telah mencerminkan usaha untuk melibatkan golongan muda secara aktif dalam proses demokrasi. Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan hak bersuara kepada lebih kurang 1.2 juta rakyat Malaysia yang berumur antara 18 sehingga 20 tahun, sekali gus memperluaskan dasar penyertaan politik negara (Dayang Wafa et al., 2022). Setiap dasar dan inisiatif baru yang diperkenalkan di negara ini misalnya pelaksanaan Undi18 haruslah dilihat dari sudut ilmiah termasuklah dari perspektif komunikasi politik. Komunikasi politik memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk pengetahuan, sikap dan kesediaan belia terhadap pelaksanaan Undi18. Media massa, media sosial, dan kempen pendidikan politik semuanya harus berfungsi sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat dan membentuk pandangan politik belia.

Penyelidikan tentang komunikasi yang membahaskan intipati politik telah wujud sejak dahulu lagi misalnya kajian tentang ideologi peperangan yang berlaku di dunia yang dikaji oleh Harold Lasswell pada tahun 1927, kajian tingkah laku





pengundi yang dijalankan oleh Lazarfeld, Berelson dan Gaudet yang diterbitkan pada tahun 1948, kajian perubahan sikap dalam proses komunikasi yang dilakukan oleh Karl Hovland pada tahun 1963 yang bertajuk *Communication and Persuasion: Psychological Studies of Opinion Change* dan sebagainya (Kamaruddin Hasan, 2016). Antara tokoh utama yang telah mengembangkan tema ilmu komunikasi politik ialah David V.J Bell, Mark Roelofs, dan Peter M. Hall (Anwar Arifin, 2011).

Ilmu komunikasi politik telah lama wujud sejak zaman Aristotle dan Plato lagi; bidang ini telah berkembang menjadi disiplin ilmu yang memiliki ruang lingkup penelitian dan pemahaman yang kian meluas dalam kajian-kajian sains politik (Ifechukwu, 2019). Ilmu komunikasi politik banyak mengambil konsep daripada komunikasi, sains politik, sosiologi, jurnalis, sejarah dan bidang-bidang lain. Namun begitu, konsep utama yang membawa kepada komunikasi politik adalah gabungan ‘komunikasi’ dan ‘politik’. Walaubagaimanapun, definisi komunikasi politik tidak cukup hanya dengan menggabungkan frasa komunikasi dan politik semata-mata, kerana makna komunikasi politik itu sendiri mencakupi inti yang mendalam dan lebih sarat dengan konsep dasar (Muhtadi, 2008).

Merujuk kepada Peter Little dalam penulisan Ifechukwu (2019), komunikasi ialah proses di mana maklumat dihantar antara individu atau organisasi supaya tindak balas pemahaman terhasil. Keadaan ini membawa maksud komunikasi akan menjadi lengkap sekiranya terdapat sesebuah mesej hasil tindak balas atau reaksi daripada kedua-dua pihak. Politik menurut Lasswell dipetik oleh Anwar Arifin (2011) merujuk





kepada siapa yang memperoleh apa, bila, dan bagaimana caranya (who, gets what, when and how). Siapa yang melakukan aktiviti politik, apa yang ingin dicapai dalam aktiviti tersebut, serta bila dan bagaimanakah cara untuk mencapainya. Oleh itu, dapat diertikan bahawa aktiviti politik yang dilakukan oleh manusia dengan maksud mencapai tujuan bersama, waktu tertentu dengan cara memanfaatkan pengaruh (influence), kelebihan autoriti (authority), kekuasaan (power) atau kekuatan (force).

Komunikasi politik juga didefinisikan sebagai '*purposeful communication about politics*' (Brian McNair, 2017; Kamaruddin Hasan, 2016) yang meliputi:

1. Semua bentuk komunikasi yang dilakukan oleh pihak politik dan orang-orang politik untuk mencapai objektif tertentu.
2. Komunikasi politik yang dilakukan oleh orang-orang politik kepada orang bukan politik seperti pengundian dan pihak media.
3. Liputan berita atau penerbitan dalam mana-mana bentuk media yang berkaitan dengan orang politik dan kegiatan mereka.

Anwar Arifin (2011) mendefinisikan komunikasi politik dengan kenyataan "Komunikasi politik adalah pembicaraan untuk mempengaruhi dalam kehidupan bernegara. Komunikasi politik dapat juga merupakan seni mendesain apa yang mungkin (art of possible) dan bahkan dapat merupakan seni mendesain yang tidak mungkin (art of impossible)' (ms.1).





Komunikasi politik juga telah digambarkan sebagai “*an academic crossword where many have passed, but few have tarried*” (Schaaf, 1963). Kenyataan ini membawa maksud bahawa untuk mendapatkan satu definisi komunikasi politik adalah sukar kerana terdapat banyak perbezaan pendapat dan pengertian daripada ramai sarjana-sarjana. Brian McNair (2011) pula menjelaskan komunikasi politik sebagai komunikasi pengantara serta dihantar melalui media cetak dan elektronik. Hasil daripada semua perbincangan di atas, pengkaji boleh menyimpulkan bahawa komunikasi politik adalah sub-bidang sains politik dan ia berkait dengan kesemua proses komunikasi untuk tujuan politik seperti penghasilan, penyebaran, perarakan, dan keberkesanan maklumat baik melalui media massa, akhbar, radio, televisyen, media sosial, media lisan, atau secara komunikasi interpersonal dalam konteks politik.



Dalam kajian bidang komunikasi, telah wujud hubungan antara kajian komunikasi, komunikasi massa dan komunikasi politik. Kebanyakan kajian-kajian yang dijalankan memberi tumpuan kepada perubahan tingkah laku politik terutamanya dalam aktiviti pengundian (Ifechukwu, 2019). Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa dalam pelaksanaan Undi18 yang dilihat sebagai baru di negara ini, komunikasi politik amat penting dalam menyampaikan maklumat kepada belia mengenai proses pengundian, memberi pendidikan politik, kesedaran tentang isu-isu politik semasa, memupuk nilai kewarganegaraan dalam kalangan belia, dan merangsang penglibatan belia dalam aktiviti sivik dalam negara. Sebagai contoh, kempen pendidikan politik yang efektif dapat meningkatkan pemahaman belia mengenai hak dan tanggungjawab sebagai pengundi, serta mengubah sikap mereka terhadap penglibatan dalam proses demokrasi (Mohd Hed, 2017). Dengan





menggunakan pendekatan komunikasi yang tepat, pihak berkepentingan dapat memastikan belia lebih bersedia dan berinformasi untuk melaksanakan hak mengundi mereka dengan penuh bertanggungjawab.

Sebelum menyentuh tentang pelaksanaan Undi18 dengan lebih mendalam, amat penting untuk memahami dan menelusuri latar belakang aktiviti pengundian di negara ini sehinggalah perubahan besar dilakukan pada tahun 2019 iaitu untuk menurunkan had mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Umum mengetahui bahawa Malaysia merupakan salah satu negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Sejak mencapai kemerdekaan lagi, Malaysia telah memilih untuk melaksanakan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan sebagai sistem kerajaan di negara ini (Abdul Rahman, 2014). Menurut Abdul Rahman (2014), sistem kerajaan demokrasi berparlimen yang diamalkan dalam negara ini merupakan pemerintahan demokrasi yang dijalankan secara perwakilan melalui proses pilihan raya.

Pilihan raya merupakan salah satu elemen yang amat penting untuk mengisi kemerdekaan sesebuah negara dan merupakan asas kepada negara berkerajaan sendiri (Ramlah Adam, 2003a). Menurut (Rashid Rahman, 1994) pula, dari segi takrifnya, pilihanraya boleh dikaitkan dengan perbuatan memilih dan ia adalah tidak sama dengan perbuatan melantik. Pilihan raya secara umumnya adalah pemilihan umum ke atas seseorang individu untuk memegang sesuatu jawatan dan pemilihan tersebut adalah perlu melalui undian daripada sesebuah kumpulan (Rashid Rahman, 1994). Pilihan raya juga sering dilihat sebagai saluran utama untuk rakyat melibatkan diri





dalam politik negara. Hal ini termasuklah peluang untuk rakyat memilih pemimpin atau wakil dalam kelompok mereka yang akan memperjuangkan kepentingan mereka ataupun menerajui pemerintahan negara.

Sistem pemilihan ataupun pilihan raya terbahagi kepada dua kategori iaitu yang pertama, sistem *proportional* dan yang kedua adalah sistem mudah (*simple-past-the-post*) atau dikenali sebagai *single member territorial representation* (Rashid Rahman, 1994). Di Malaysia, sistem pilihan raya yang diamalkan adalah sistem yang kedua iaitu sistem mudah. Sistem mudah adalah sistem di mana calon yang menang adalah calon yang mendapat undian terbanyak walaupun calon tersebut mendapat kelebihan satu undian berbanding dengan pihak lawan.



Pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu telah wujud sebelum merdeka lagi. Menurut Ramlah Adam (2003), pilihan raya awal diadakan di peringkat perbandaran setelah Akta Majlis Berkuasa Tempatan diluluskan pada akhir tahun 1950. Pilihan raya Bandaran 1951 yang diadakan ketika itu adalah tindakan politik awal oleh British untuk menyerahkan Tanah Melayu kepada orang Melayu sendiri secara beransur-ansur. Peruntukan untuk mengadakan pilihan raya telah termaktub jelas dalam Perjanjian Persekutuan 1948 di mana pilihan raya dijanjikan akan direalisasikan di Tanah Melayu pada masa yang sesuai (Ramlah Adam, 2003b). Pilihan raya yang awalnya wujud di Tanah Melayu pula bukan sahaja dimulakan dan didesak oleh Perikatan UMNO-MCA, sebaliknya terdapat faktor-faktor lain seperti gerakan nasionalisme yang timbul dalam kalangan orang Melayu di Persekutuan Tanah





Melayu (Ghazali Mayudin, 2008). Hal ini membuktikan bahawa pilihan raya amat penting kepada masyarakat untuk memperjuangkan kepentingan yang ingin dicapai dalam sesebuah kelompok masyarakat. Melihat kepada perjalanan pilihan raya dalam negara ini, Malaysia telah berjaya mengharungi 14 pilihan raya umum sejak tahun 1955 lagi.

Tanggal 9 Mei 2018 merupakan hari bersejarah bagi rakyat Malaysia apabila Pakatan Harapan (PH) yang terdiri daripada empat parti pembangkang iaitu Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Amanah dan Bersatu, memenangi 113 daripada 222 kerusi parlimen dan membentuk kerajaan baharu (Bernama, 2019). Apabila negara ditadbir oleh kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2019, satu cadangan untuk menurunkan umur warganegara yang layak mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun telah disuarakan oleh kerajaan pada ketika itu.

Cadangan untuk menurunkan had umur mengundi telah disuarakan oleh Persatuan Pengundi Muda atau lebih dikenali sebagai Undi18. Kumpulan itu telah diketuai oleh dua orang belia Malaysia iaitu Qyira Yusri dan Tharma Pillai yang juga merupakan ahli *Malaysian Students Global Alliance* (MSGGA) (Athiqah et al., 2022). Cadangan ini telah diberi perhatian oleh ahli parlimen Muar ketika itu, Syed Saddiq dan seterusnya dibawa ke parlimen untuk dibentangkan. Cadangan tersebut seterusnya mendapat sokongan dan dibahaskan termasuklah oleh bekas Perdana Menteri iaitu Tun Dr Mahathir. Tun Dr Mahathir mempersetujui cadangan tersebut adalah kerana hasrat merealisasikan cadangan itu selaras dengan amalan demokrasi dunia seperti di





beberapa negara maju misalnya United Kingdom, Eropah Barat, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Perancis, dan Australia yang telah memberi peluang kepada belia seawal umur 18 tahun untuk mengundi sejak tahun 1970-an lagi (Fairul Asmaini, 2019). Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 mengenai cadangan had umur mengundi diturunkan dari 21 tahun kepada 18 tahun telah diluluskan dalam pembentangan sidang Dewan Rakyat pada 16 Julai 2019 dan turut diluluskan dalam Dewan Negara setelah mendapat sokongan melebihi dua per tiga majoriti (Berita Harian, 2019). Terdapat beberapa perkara yang dibawa menerusi RUU yang telah dibentangkan dalam parlimen dan diluluskan antaranya:

- 1) Cadangan meminda perenggan (a) Fasal 1 Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan umur seseorang warganegara yang layak mengundi daripada 21 kepada 18 tahun.
- 2) Cadangan meminda perenggan (b) Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan umur warganegara yang layak menjadi ahli Dewan Rakyat daripada 21 kepada 18 tahun.
- 3) Cadangan pendaftaran secara automatik sebagai pemilih dan layak mengundi sejourus mereka mencapai umur 18 tahun.

Penurunan had umur mengundi 18 tahun dilihat mempunyai banyak manfaat dan rasional termasuk menyumbang kepada kesejahteraan demokrasi negara. Hal ini disebabkan penglibatan belia dalam aktiviti demokrasi dapat mewujudkan ruang diversiti kerana golongan ini dilihat mampu memberikan idea dan melihat sesuatu isu





dari perspektif yang berbeza. Merujuk kepada Muiz Razak (2019), penglibatan lebih ramai belia dalam politik akan melahirkan sudut pandangan yang lebih segar berkenaan senario politik dalam negara. Latar belakang pengundi yang pelbagai iaitu daripada pelbagai bangsa, budaya agama dan umur yang terlibat dalam pilihan raya akan menggalakkan *stakeholders* terlibat memainkan peranan masing-masing dan mengambil kira kepentingan semua pihak (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2019).

Merujuk kepada kenyataan rasmi SPR, rasional lain penurunan had umur mengundi adalah kerana golongan belia yang berumur 18 tahun telah diberikan hak untuk membuat keputusan penting seperti yang terkandung dalam Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) seperti berkahwin, bekerja, memperolehi lesen memandu kenderaan, menyertai pasukan beruniform seperti angkatan tentera, bomba, polis, dan sebagainya serta dibenarkan untuk menandatangani kontrak atau pinjaman. Remaja 18 tahun juga akan dikategorikan sebagai pesalah dewasa sekiranya melakukan jenayah ketika dibicarakan di mahkamah (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2019). Aspek inilah yang dilihat dan dinilai sehingga kerajaan melihat golongan belia dapat memberikan sumbangan kepada demokrasi di negara ini melalui penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun.

Undi18 adalah satu langkah yang penting dalam usaha memperkasakan belia Malaysia serta memperluaskan hak demokratik kepada lebih ramai rakyat. Walaupun inisiatif ini dilihat sebagai satu pencapaian penting dalam usaha memperkasakan belia, ia juga menimbulkan pelbagai persoalan tentang kematangan belia yang terlibat





untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi. Pendidikan politik yang berkesan dan komunikasi yang sesuai adalah kunci untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Undi18 di negara ini. Melalui usaha yang betul, pelbagai pihak yang bertanggungjawab boleh memastikan belia Malaysia bersedia untuk memainkan peranan mereka sebagai pengundi yang bertanggungjawab dan berinformasi. Topik seterusnya akan menyentuh tentang pernyataan masalah yang wujud susulan pelaksanaan Undi18 di negara ini.

1.3 PERNYATAAN MASALAH



Tidak dinafikan apabila had umur untuk daftar memilih dan mengundi diturunkan dari 21 tahun ke 18 tahun secara tidak langsung negara ini turut mengiktiraf dan memberi peluang kepada generasi muda untuk sama-sama menentukan masa depan negara selari dengan amalan demokrasi di negara ini. Mengikut garis panduan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), umur 18 tahun ini diiktiraf sebagai cukup dewasa dan boleh membuat keputusan dalam proses pilihan raya negara (UNICEF, 2017).

Namun begitu, terdapat banyak pandangan yang wujud dalam kalangan masyarakat negara ini berkaitan dengan Undi18. Had umur kelayakan mengundi 21 kepada 18 tahun belum pernah dikaji seperti di negara-negara lain yang mengendalikan proses pilihan raya di bawah sistem demokrasi berperwakilan (Wan





Omar, 2018). Hal ini memberi gambaran bahawa persediaan belia seawal umur 18 tahun tidak diketahui secara akademik dan bertulis. Terdapat juga respons dalam media sosial yang mempersoalkan had umur mengundi 18 tahun disebabkan kebimbangan terhadap kemungkinan penyebaran politik di sekolah atau institusi pendidikan, propaganda politik yang boleh mengancam proses demokrasi dan penyalahgunaan golongan belia untuk kepentingan politik.

Sehubungan dengan itu, merujuk kepada laporan Hilmi Malik (2019), yang membuat tinjauan berhubung dengan Undi18 di sebuah sekolah di Shah Alam, rata-rata respons yang diberikan oleh pelajar yang ditemu bual adalah berbeza-beza dan tidak menentu. Melihat kepada laporan video tersebut, rata-rata pelajar yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka tidak bersedia dan tidak sesuai lagi untuk menjadi pengundi dalam pilihan raya disebabkan alasan seperti belum bekerja, kurang matang dalam membuat keputusan dan tidak mendapat pendedahan politik yang mendalam. Hanya segelintir sahaja pelajar yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka telah bersedia untuk mengundi. Respons yang diberikan dalam laporan tersebut sedikit sebanyak telah menimbulkan banyak persoalan adakah belia seawal umur 18 tahun benar-benar bersedia untuk mengundi.

Terdapat segelintir pihak yang percaya bahawa jika hak diberikan kepada golongan muda melalui pelaksanaan Undi18, kerajaan akan melantik individu yang paling tidak berintegriti sebagai pemimpin selepas mereka dipilih melalui proses





pilihan raya kerana golongan ini dilihat terlalu muda untuk memahami situasi politik negara (Irma Wani Othman et al., 2022).

Pandangan lain pula menyatakan bahawa golongan muda yang akan menyertai Undi18 ini dilihat lebih berfikiran terbuka dan matang berbanding generasi sebelumnya kerana mereka telah didedahkan dengan pelbagai ilmu dan maklumat semasa melalui media massa (Azlan Raymond et al., 2021). Walaupun pengundi muda sering dipersalahkan disebabkan mereka adalah golongan yang dilihat paling kurang mengundi, namun rekod oleh Mohd Hariszuan Jaharudin (2014) telah menunjukkan peningkatan mendadak sebanyak 20 peratus pengundi baru berdaftar dalam Pilihan Raya Umum yang ke 13. Peningkatan besar pengundi muda telah membuktikan minat yang tinggi dalam diri golongan muda terhadap aktiviti pengundian semasa PRU (Mohd Hariszuan Jaharudin, 2014). Satu per empat daripada pengundi Malaysia juga adalah terdiri daripada pengundi yang berumur di bawah 30 tahun, oleh itu tingkah laku dan sikap politik mereka penting untuk mengekalkan dan membangunkan demokrasi di negara ini (Tan Jue Jun, 2022).

Di samping itu, wujud juga kenyataan dan mesej tular di media sosial yang berpendapat bahawa sistem pendidikan (Pendidikan Sivik dan Pendidikan Pengundi) di negara ini dilihat tidak memberi persediaan yang secukupnya kepada golongan belia untuk terlibat dalam proses pilihan raya negara (Khairul Anwar, 2020). Berbanding negara lain yang menetapkan pengundian seawal umur 18 tahun, contohnya seperti Australia, para pelajar didedahkan dan diberi pengetahuan tentang





pendidikan pilihan raya, demokrasi, kepentingan membuat pilihan serta proses pengundian secara langsung atau tidak langsung (Wan Ahmad, 2018).

Persoalannya, adakah golongan belia muda kita benar-benar mempunyai pengetahuan, sikap dan kesediaan yang mencukupi terhadap pengundian seawal umur 18 tahun? Bagaimanakah pemain politik dan pihak-pihak yang terlibat dengan advokasi politik boleh merangka strategi yang efektif untuk memberi pendidikan politik kepada belia seawal umur 18 tahun? Oleh itu, dapatan kajian ini akan menjawab persoalan tersebut seterusnya boleh dijadikan rujukan dan panduan bagi memperkasakan lagi persediaan dan perancangan pihak yang terbabit dalam komunikasi politik khususnya dalam proses pilihan raya.



1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, tujuan kajian ini adalah untuk mencapai objektif seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia di daerah Batang Padang terhadap pengundian seawal umur 18 tahun.
2. Mengukur hubungan antara tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia di daerah Batang Padang terhadap pengundian seawal umur 18 tahun.
3. Menganalisis faktor yang mempengaruhi kecenderungan belia untuk mengundi di daerah Batang Padang seawal umur 18 tahun.





1.5 PERSOALAN KAJIAN

Merujuk kepada objektif di atas, beberapa persoalan kajian telah ditimbulkan seperti yang berikut:

1. Sejauh manakah tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia di daerah Batang Padang terhadap pengundian seawal umur 18 tahun?
2. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia di daerah Batang Padang terhadap pengundian seawal umur 18 tahun?
3. Apakah faktor yang mempengaruhi kecenderungan belia untuk mengundi di daerah Batang Padang seawal umur 18 tahun?



1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah dikemukakan, pengkaji telah menggariskan beberapa hipotesis kajian bagi tujuan penerimaan atau penolakan selepas proses analisis data.

H1: Terdapat perhubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap sikap belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun.

H2: Terdapat perhubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun.




H3: Terdapat perhubungan yang signifikan antara tahap sikap dengan tahap kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun.

1.7 KERANGKA TEORETIKAL KAJIAN

Kajian ini menggunakan model *Knowledge, Attitude* dan *Practice* (KAP). Model dibangunkan sebagai alat untuk menyelidik apa yang telah diketahui, dipercayai dan dilakukan oleh peserta kajian dalam topik tertentu. Tinjauan KAP pada awalnya telah dibangunkan untuk kajian perancangan keluarga dan penduduk pada tahun 1950-an.

Ia digunakan secara meluas dalam tinjauan keratan rentas (Launiala, 2009). Model KAP telah digunakan dalam penyelidikan sejak beberapa dekad yang lalu untuk mengumpul maklumat pesakit. Rajah berikut merupakan model pengetahuan, sikap dan amalan yang telah dibangunkan oleh (Bano et al., 2013).



Rajah 1.1: Model Pengetahuan-Sikap-Amalan (Bano et al., 2013)

Antara kelebihan model KAP diaplikasikan adalah ianya merupakan kaedah tinjauan yang mudah digunakan. Hasil kaedah ini agak mudah untuk ditafsirkan dan mempunyai penyampaian yang ringkas (Launiala, 2009). Model KAP juga adalah model yang dikembangkan daripada model rasional dalam pendidikan kesihatan. Ia berdasarkan tanggapan bahawa peningkatan pengetahuan seseorang individu akan mempengaruhi perubahan tingkah laku (Hou, 2014).

Model KAP akan melibatkan tiga komponen penting iaitu pengetahuan, sikap dan amalan. Pengetahuan merujuk kepada pemahaman peserta tentang topik yang berkaitan dengan kajian (Shimotake et al., 2022). Pengetahuan juga boleh diklasifikasikan sebagai kebolehan menerima, mengekalkan dan menggunakan maklumat yang bercampur dengan pengalaman dan kemahiran. Ia berbeza dengan



pendidikan yang merupakan prasyarat pengetahuan. Pengetahuan juga merupakan satu peningkatan fikiran yang diperolehi hasil daripada kecekapan dan kemahiran intelek (Badran, 1995)

Di samping itu, sikap pula merujuk kepada perasaan peserta tentang topik yang dikaji (Shimotake et al., 2022). Sikap ialah kecenderungan untuk bertindak balas terhadap situasi tertentu. Komponen yang terakhir adalah amalan. Amalan merujuk kepada cara peserta menunjukkan pengetahuan dan sikap mereka (Shimotake et al., 2022). Dalam kata lain, amalan membawa maksud penerapan pengetahuan dan penerapan berkaitan dengan tindakan yang diambil (Badran, 1995).



Namun begitu, untuk kajian ini, meskipun pengkaji akan menyentuh tiga komponen utama dalam model KAP, komponen untuk amalan akan diubah kepada kesediaan untuk disesuaikan dengan konteks kajian ini. Merujuk kepada Zukin et al. (2011), antara indikator utama untuk menilai kesediaan pengundi dalam pengundian adalah untuk melihat tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan mereka dari aspek politik dan pengundian. Oleh itu, tiga komponen utama yang akan disentuh iaitu tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun di daerah Batang Padang.





1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan teori KAP untuk membantu memahami bagaimana pengetahuan belia mengenai Undi18 mempengaruhi sikap seterusnya bagaimana sikap tersebut mempengaruhi kesediaan mereka untuk mengundi seawal umur 18 tahun.

Pengetahuan (Knowledge)

Pengetahuan merujuk kepada sejauh mana belia mengetahui tentang penurunan had umur mengundi, kepentingan hak mengundi, proses pilihan raya dan dasar-dasar kerajaan. Menurut kajian oleh Dalkir (2023), pengetahuan yang mencukupi mengenai sistem politik dan hak pengundian adalah penting untuk memastikan belia membuat keputusan yang bijak. Kajian oleh Zibako et al. (2021) juga menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi berkorelasi dengan sikap yang lebih positif.

Sikap (Attitude)

Model KAP mencadangkan sikap terhadap Undi18 dipengaruhi oleh pengetahuan yang dimiliki. Sikap ini meliputi persepsi terhadap kemampuan belia untuk membuat keputusan politik yang bijak, keyakinan terhadap sistem pilihan raya, dan kepercayaan terhadap keberkesanan undi mereka. Sibnath dan Shayana (2023) mendapati bahawa sikap positif terhadap proses politik meningkatkan kesediaan belia untuk mengundi dan terlibat dalam aktiviti politik.





Kesediaan (Readiness)

Kesediaan merujuk kepada tindakan dan keputusan belia untuk mengundi pada usia 18 tahun. Ini termasuk pendaftaran sebagai pengundi, penyertaan dalam kempen politik, dan akhirnya penglibatan dalam proses pengundian. Merujuk kepada kajian Zibako et al. (2021) amalan mengundi dipengaruhi oleh pengetahuan dan sikap yang telah dibina sebelumnya.

Berikut merupakan rajah konseptual kajian yang dibangunkan berdasarkan model KAP oleh Bano et al., (2013). Kerangka konseptual ini juga adalah berdasarkan tiga hipotesis kajian yang dibina berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Antaranya hipotesis yang terlibat adalah seperti yang berikut;




H1: Terdapat perhubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap sikap belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun.

H2: Terdapat perhubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun.

H3: Terdapat perhubungan yang signifikan antara tahap sikap dengan tahap kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun.





Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian Mengaplikasikan Model KAP oleh Bano et al., 2013)



Secara keseluruhannya, teori KAP memberikan kerangka yang berguna untuk mengkaji tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun di daerah Batang Padang. Dengan memahami bagaimana ketiga-tiga komponen ini saling berkaitan, intervensi dan usaha dapat dirangka untuk meningkatkan penyertaan belia dalam aktiviti politik serta pengundian.

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ilmiah ini secara tuntasnya amat penting untuk membekalkan pihak yang berkepentingan dengan data dan maklumat terkini berkaitan dengan tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia Undi18 dalam pengundian di daerah Batang Padang.

Antara pihak yang akan mendapat manfaat daripada kajian ini ialah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). SPR merupakan satu badan yang amat penting dalam sesebuah pilihan raya. Tugas SPR adalah untuk memelihara, menyelia dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini (Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang, 2021). Oleh itu, dapatan kajian ini dapat membekalkan data yang penting kepada pihak SPR berkaitan dengan tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pengundi muda di daerah Batang Padang terhadap pengundian menghadapi pilihan raya. Dengan adanya gambaran awal, pihak SPR dapat merangka perancangan dan tindakan susulan seperti aktiviti advokasi, kempen atau pendidikan politik untuk memastikan belia





yang akan terlibat benar-benar bersedia untuk melibatkan diri dalam proses pilihan raya.

Di samping itu, kajian ini juga amat penting untuk calon pilihan raya. Hasil kajian ini dapat membantu calon yang akan bertanding dalam pilihan raya akan datang. Oleh kerana calon pilihan raya bertanggungjawab untuk menjalankan kempen sebelum pilihan raya dan meraih undi daripada pemilih, hasil kajian ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran awal kepada calon terlibat tentang sebarang perubahan landskap politik di negara ini terutamanya dengan penyertaan belia muda dalam proses pemilihan dan pengundian di negara ini. Data dalam kajian ini juga dapat memberi idea kepada calon yang terlibat untuk merancang komunikasi politik serta usaha bagi meraih sokongan bukan sahaja daripada kalangan masyarakat umum, tetapi juga sokongan daripada kalangan belia.

Kajian ini seterusnya dapat meningkatkan kepelbagaian pandangan dalam kajian yang melibatkan penglibatan belia di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat membantu memberi sumbangan pengetahuan dan rujukan kepada penyelidik akan datang untuk melihat skop yang lebih luas berkaitan dengan tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia dalam politik. Dari segi bidang penyertaan politik pula, kajian ini dapat memberi idea serta memperkasakan lagi pemahaman dalam bidang politik terutamanya dalam kalangan belia. Tuntasnya, dengan adanya kajian ini, pembaharuan yang lebih produktif boleh dicapai dalam kajian pengkaji akan datang.





1.10 BATASAN KAJIAN

Penyelidik memilih tajuk ini adalah untuk melihat kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun sejajar dengan pelaksanaan Undi18 yang baru sahaja dilaksanakan di negara ini. Walaupun Undi18 dilaksanakan dan melibatkan belia yang berumur 18 sehingga 20 tahun di seluruh negara, tetapi sempadan (*delimitation*) kajian ini hanya melibatkan sampel di daerah Batang Padang, Perak. Rasional daerah Batang Padang dipilih sebagai lokasi kajian adalah kerana Batang Padang merupakan antara daerah yang mempunyai latar belakang kaum yang seimbang termasuklah kaum Melayu, Cina, India dan termasuklah kaum orang asli.



Sementara itu, batasan (*limitation*) kajian ini adalah berdasarkan andaian bahawa kerangka konseptual kajian dianggap sebagai gambaran yang tepat tentang kajian mengenai tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia terhadap pengundian seawal umur 18 tahun di daerah Batang Padang, Perak. Pengkaji juga mengandaikan definisi ketiga-tiga domain yang dikaji adalah tepat mengikut teori ELM yang diaplikasikan boleh diukur dengan instrumen yang dibangunkan yang mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang diterima. Pengkaji juga mengandaikan kaedah analisis yang dipilih dan saiz sampel adalah mencukupi untuk mencapai objektif kajian.

Jawapan dan maklum balas dari responden yang tidak bersungguh atau tidak lengkap digugurkan bagi mengelak kecacatan kepada keputusan kajian, tujuan ini





akan memenuhi andaian bahawa sampel yang dipilih mewakili populasi kajian bagi membolehkan dapatan kajian di generalisasikan kepada populasi. Item-item dalam borang soal selidik yang diberikan pula adalah berdasarkan isu semasa, maklumat dan senario politik ketika kajian ini dijalankan. Maklumat-maklumat dalam item tersebut akan berubah mengikut perkembangan politik semasa di dalam negara.

1.11 DEFINISI OPERATIONAL KAJIAN

1.11.1 PENGETAHUAN



Pengetahuan digunakan untuk menjelaskan pemahaman ke atas sesuatu subjek dan kemungkinan berkeupayaan menggunakannya untuk satu tujuan tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018). Menurut Wahyu Ningsih (2016) pula, pengetahuan membawa maksud sesuatu yang mengandungi segala apa yang telah dialami dan dipelajari sepanjang hidup, dan hal ini terjadi apabila pernah melakukan penginderaan terhadap sesuatu objek tertentu. Pengetahuan politik dalam kajian ini secara umumnya membawa maksud perihal mengetahui atau pemahaman seseorang individu terhadap sebarang maklumat atau informasi yang berkaitan dengan isu-isu politik. Merujuk kepada A. Aco Agus, et al (2019), pengetahuan politik dengan cara pendidikan politik boleh diberikan kepada seseorang individu atau masyarakat melalui cara sosialisasi politik oleh pengamal politik, parti politik atau tokoh-tokoh yang ada dalam kalangan masyarakat.



Dalam kajian ini, definisi operasional bagi pengetahuan merujuk kepada pengetahuan belia terhadap dasar kerajaan, parti politik dan pengundian misalnya apa-apa maklumat yang berkaitan dengan politik seperti sistem pentadbiran, proses pilihan raya, dan elemen-elemen dalam parti politik semasa. Pengetahuan ini termasuklah maklumat politik yang dipelajari dan diterima oleh belia melalui agen-agen sosialisasi politik.

1.11.2 SIKAP

Sikap secara umumnya merujuk kepada satu set emosi, kepercayaan dan tingkah laku terhadap sesuatu objek, orang, benda atau peristiwa tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018). Sikap sering kali dilihat sebagai sesuatu yang dipengaruhi oleh pengalaman seterusnya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tingkah laku. Sikap biasanya akan melibatkan sesuatu pengetahuan mengenai sesuatu situasi. Merujuk kepada Wahyu Ningsih (2016), aspek yang penting dalam sesebuah sikap ialah sifat atau ciri-ciri perasaan atau emosi yang dialami oleh seseorang yang memperoleh kecenderungan terhadap sesuatu tingkah laku atau kes. Apabila seseorang individu diberi pendedahan kepada peristiwa-peristiwa dan pengalaman yang baharu, sikap mereka akan cenderung untuk berubah secara perlahan.

Dalam kajian ini, definisi operasional bagi sikap merujuk kepada sikap belia seawal umur 18 tahun terhadap dasar kerajaan, parti politik dan aktiviti pengundian. Sikap ini dilihat lebih ke arah positif atau negatif menggunakan skala 1 sehingga 5



dan akan dikategorikan mengikut tahap di mana sekiranya tahap sikap rendah, ini bermaksud belia mempunyai sikap yang negatif terhadap pengundian seawal umur 18 tahun manakala apabila tahap sikap tinggi, ini bermaksud belia mempunyai sikap yang positif terhadap pengundian seawal umur 18 tahun.

1.11.3 KESEDIAAN

Kesediaan merujuk kepada perihal sedia, kesanggupan, kerelaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018). Kesediaan juga membawa maksud keupayaan persiapan individu untuk memulakan sesuatu yang sudah atau belum pernah dilakukannya. Merujuk kepada Boon dan Ragbi, 1989 dalam Putra Rahman (2009), kesediaan adalah keadaan di mana dalam diri individu itu bersedia dan berkebolehan untuk memperolehi pengalaman pembelajaran baru.

Dalam konteks kajian ini, kesediaan bukan sahaja hanya tertumpu kepada bersedia dalam proses pengundian semata-mata, sebaliknya kesediaan dalam kajian ini merangkumi kesediaan belia untuk memilih parti politik atau pemimpin yang benar-benar layak untuk memimpin dan mewakili kelompok mereka. Menurut Jamil (2022), pengundi yang bersedia dalam pengundian haruslah tahu dan bersedia untuk memilih pemimpin yang mempunyai lima ciri penting seperti yang berikut;





1. Keperibadian calon yang terpuji

Pengundi haruslah bersedia untuk memilih calon yang mempunyai integriti, berakhlak, bersih dan tidak terpalit dengan skandal atau kontroversi.

2. Calon yang mempunyai idea-idea atau perancangan

Pengundi haruslah bersedia memilih calon atau pemimpin yang mempunyai idea-idea atau perancangan yang diperjuangkan serta selari dengan kepentingan pengundi baru dan muda.

3. Calon yang sentiasa ada bersama masyarakat



Pengundi haruslah sedar dan tahu tentang calon mana yang sentiasa ada di kawasan mereka dan elak untuk memilih calon yang hanya muncul ketika pilihan raya.

4. Calon yang mahir berkomunikasi

Pengundi haruslah bersedia untuk memberi peluang kepada calon yang dapat menyampaikan visi dan misi yang mudah difahami pengundi selain mampu berkomunikasi dengan pelbagai masyarakat. Pengundi juga haruslah memastikan calon yang dipilih boleh mendengar rintihan rakyat dan menyelesaikan aduan terutamanya daripada pengundi baharu dan generasi muda.



5. Calon yang berpengetahuan luas dalam pelbagai isu dan mempunyai tahap pendidikan yang tinggi.

Apa yang paling penting adalah pengundi harus bersedia untuk memilih calon yang mempunyai latar belakang pendidikan yang baik, iaitu sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda dan sekiranya mempunyai PhD dikira satu kelebihan.

1.11.4 PENGUNDIAN

Pengundian merujuk kepada satu tindakan atau kaedah untuk memilih seseorang atau menentukan sesuatu dalam sesebuah kelompok individu yang ingin membuat keputusan atau sedang mencari kesepakatan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018).

Secara umumnya, definisi operasional pengundian dalam kajian ini merujuk kepada pemilihan seseorang terhadap pemimpin yang akan mentadbir negara dengan menanda kertas undi atau membuang kertas undi semasa hari pilihan raya.

1.11.5 UNDI18

Undi18 merupakan singkatan kepada dasar umur layak mengundi yang telah diturunkan dari 21 tahun kepada 18 tahun. Walau bagaimanapun, Undi18 bukan sahaja merujuk kepada belia yang berumur 18 tahun, tetapi frasa Undi18 adalah merangkumi belia yang berumur 18 tahun sehingga 20 tahun. RUU Undi18 iaitu

untuk meluluskan cadangan agar warga yang berumur 18 tahun dan ke atas boleh menyertai aktiviti pengundian dan menjadi calon dalam pilihan raya telah dipersetujui pada 16 Julai 2019. Ia kemudiannya telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019 (Athiqah et al., 2022).

1.11.6 DASAR KERAJAAN

Dasar kerajaan merupakan elemen penting dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara. Semua negara di dunia pasti mempunyai dasar tersendiri yang digubal oleh kerajaan atau pemerintah masing-masing. Dasar kerajaan juga merupakan rangka asas atau tapak dalam pelaksanaan rancangan kerajaan untuk kesemua hal pentadbiran yang akan dilakukan untuk negara. Dasar kerajaan biasanya berbentuk pelan tindakan bagi mencapai objektif untuk kepentingan masyarakat dan negara (Zaid Ahmad et al, 2017).

Dalam kajian ini, definisi operasional bagi dasar kerajaan adalah segala perkara rasmi pentadbiran yang dikelolakan oleh kerajaan yang sedang memerintah negara. Untuk mengkaji tentang tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia terhadap dasar kerajaan, pengkaji telah mengecilkan skop dasar kerajaan iaitu hanya menekankan dasar yang berkaitan dengan aktiviti pengundian di negara ini memandangkan dasar tentang kerajaan adalah luas dan banyak. Oleh itu, pengkaji telah memberi fokus kepada dasar-dasar seperti maklumat asas tentang sistem



pembubaran dewan undangan negeri atau parlimen, Akta Suruhanjaya Pilihan Raya, had umur pengundian semasa dan sebagainya.

1.11.7 PARTI POLITIK

Parti politik diertikan sebagai sesebuah persatuan yang berlandaskan kepentingan awam untuk mewakili dan menyampaikan permintaan warganegara dan mempromosikan penyertaan mereka dalam kegiatan demokrasi (Zaid Ahmad et al, 2017). Dengan kata lain, parti politik merupakan perantara antara masyarakat dengan entiti negara.



Dalam kajian ini, definisi operasional parti politik adalah lebih berfokuskan rangka organisasi parti politik tertentu, nama-nama penuh parti politik daripada singkatan yang sering digunakan dan maklumat-maklumat popular yang berkaitan dengan parti politik.

1.11.8 PEMIMPIN

Pemimpin ditafsirkan sebagai seseorang yang diiktiraf oleh satu atau lebih daripada satu orang. Seseorang pemimpin biasanya akan mempunyai pengaruh yang kuat, berwibawa dan mempunyai kuasa (Zaid Ahmad et al, 2017). Pemimpin juga adalah seseorang individu dalam sesebuah organisasi yang mempunyai kemampuan untuk





mempengaruhi, mengarahkan, membimbing dan juga tingkah laku atau sikap pemimpin itu sendiri berupaya mempengaruhi sikap orang lain (Fimce Masambe et al., 2015).

Dalam kajian ini, definisi operasional pemimpin akan merujuk kepada insan-insan utama dalam arena politik negara.

1.12 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang telah dinyatakan dalam bab ini, pengkaji telah menyatakan pernyataan masalah, persoalan kajian, tujuan kajian ini dijalankan dan objektif kajian yang ingin dicapai. Penyelidikan ini juga dapat membekalkan pihak yang terlibat dan berkepentingan dengan data utama berkaitan dengan tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan belia Undi18 dalam proses pengundian di daerah Batang Padang. Secara tuntasnya, pengkaji berharap dapat memberi gambaran dan menerangkan dengan jelas apa yang ingin disampaikan dan hasil kajian ini bertepatan dengan objektif yang ingin dicapai.

